

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**SOALAN NO. 392**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kedudukan ekonomi dan daya saing Malaysia berbanding dengan negara lain serta prestasi pencapaian Wawasan 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.7% pada tahun 2018, iaitu lebih sederhana berbanding pencapaian yang dicatatkan pada tahun 2017 sebanyak 5.4%. Prestasi ini disebabkan antara lain, faktor pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan, perkembangan perdagangan dunia yang menyederhana dan harga komoditi utama dunia yang rendah. Bagi tempoh 2019-2020, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang antara 4.5% hingga 5.5% setahun berikutan perkembangan perdagangan dunia yang terus menyederhana.

Dari perspektif daya saing negara, berdasarkan laporan ***Doing Business 2019*** oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah melonjak kepada kedudukan ke-15 daripada 190 negara, iaitu merupakan peningkatan sebanyak 9 anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Tahap daya saing Malaysia ini juga telah diiktiraf dalam laporan ***World Competitiveness Yearbook 2018*** oleh *International Institute for Management Development (IMD)*, di mana Malaysia berada di kedudukan ke-22 daripada 63 negara, manakala ***Global Competitiveness Report 2018*** oleh *World Economic Forum (WEF)* meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 daripada 140 negara.

Berdasarkan laporan-laporan antarabangsa tersebut juga, Malaysia masih tergolong di antara 10 negara teratas paling berdaya saing di rantau Asia Pasifik sejak tahun 2012. Malaysia telah menunjukkan

prestasi yang cemerlang dalam aspek pengurusan ekonomi, persekitaran perniagaan yang efisien, kecekapan tadbir urus awam dan penyediaan infrastruktur yang baik. Tambahan pula, Malaysia turut diiktiraf sebagai negara yang mempunyai kestabilan ekonomi makro seperti negara-negara maju yang lain, misalnya Australia, United Kingdom, Belanda dan Kanada.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan semula pertumbuhan ekonomi dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, sasaran pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada tahun 2020 dijangka mencecah RM47,720 atau AS\$11,700, iaitu 6% di bawah anggaran paras pendapatan minimum negara berpendapatan tinggi. Justeru, sasaran untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dijangka hanya boleh dicapai menjelang tahun 2024 sekiranya ekonomi berkembang seperti yang disasarkan. Namun begitu, Kerajaan amat sedar dan peka bahawa matlamat untuk menjadi negara maju dan inklusif bukan sekadar mencapai status berpendapatan tinggi kerana pencapaian ini perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, psikologi, rohani dan sosial. Oleh yang demikian, kesemua elemen ini turut akan diambil kira semasa proses penyediaan pelan pembangunan pasca 2020 bagi tempoh sederhana dan panjang yang akan datang.

Sekian, terima kasih.